



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROJEK PERINTIS '*SMART
BUS STOP*' PERTAMA DI NEGERI PULAU
PINANG

OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L
KARPAL SINGH
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU
PINANG, MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa
PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANG
BANDAR & DESA.**

TARIKH / MASA / TEMPAT

13 MEI 2019 (ISNIN)

11.00pagi

LENGKOK TENGGIRI

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan & Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Dr Afif Bin Bahardin

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar & Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Dihormati Encik Wan Zainal Adileen Bin Dato' Wan Puteh

Ketua Pegawai Serantau Syarikat edotco (M) Sdn. Bhd.

Yang Dihormati Encik Nik Ros Azhan Bin Nik Abdul Hamid

Ketua Polis Daerah Ibu Pejabat Polis Di Raja Malaysia Daerah Seberang Perai Tengah

Yang Dihormati Encik Azmi Abdullah

Prasarana Malaysia Berhad (RAPID)

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Kakitangan-kakitangan Syarikat Edotco (M) Sdn.Bhd.

Wakil daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Jalan Tenggiri

Penduduk-penduduk

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

.....

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Perasmian Projek Perintis '*Smart Bus Stop*' yang pertama di Negeri Pulau Pinang.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin, Yang Berhormat Puan Nurul Izzah Anwar, Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus, Encik Wan Zainal Adileen, Encik Al-Ishsal Ishak, wakil-wakil daripada PDRM dan RAPID Penang, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan semua yang hadir berkumpul pada pagi yang barakah ini.

Masih tidak terlewat lagi untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Ramadhan bagi semua yang beragama Islam. Saya berharap dengan bulan yang mulia ini kita akan lebih melipat gandakan lagi usaha

kita memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk komuniti dan rakyat kerana ianya juga merupakan salah satu daripada cabang ibadah. “Keyakinan anda, kepuasan kami”.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Wawasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State*” (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga) adalah satu wawasan berpaksikan rakyat. Kerajaan berpaksikan rakyat (*People Centric Organization*) tidak mempunyai makna sekiranya penyampaian perkhidmatan oleh PBT gagal dilaksanakan secara efektif, efisien dan berkesan. Oleh itu, dalam mendapatkan pengiktirafan rakyat dan mengekalkan prestasi yang cemerlang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP telah melaksanakan pelbagai program untuk rakyat dan menggariskan dasar-dasar atau garis panduan yang mudah, cepat, cekap dan telus.

Pentadbiran MPSP meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada pendekatan *smart partnership* dalam merungkai kekuatan perkongsian melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama pelbagai

pihak secara langsung dan tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha pembangunan infrastruktur yang dapat memberi manfaat kepada rakyat. Bukan sahaja kerjasama dalam projek-projek pengindahan bahkan juga dalam projek- projek pembangunan infrastruktur seperti Projek Perintis “*Smart Bus Stop*” ini.

Suka saya nyatakan di sini bahawa “*Smart Bus Stop*” di LengkokTenggiri ini merupakan yang pertama di Negeri Pulau Pinang dan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MPSP, Syarikat edotco (M) Sdn. Bhd.

Saya juga mahu mengucapkan syabas kepada PDRM kerana sudi menerima cabaran membenarkan teknologi *panic button* dengan komunikasi dua hala melalui pembesar suara dan kamera disambungkan ke IPD bagi mencegah jenayah dan bertindak segera untuk menyelamatkan mangsa. Syabas kepada PDRM kerana memberi perkhidmatan yang pertama seumpama ini kepada pengguna *Bus Stop* di SeberangPerai.

Saya juga mahu mengucapkan terima kasih kepada RAPID Penang kerana menyediakan maklumat laluan bus, masa ketibaan bas melalui paparan LED, yang dengan sendirinya meningkatkan *connectivity* dan mampu meningkatkan mobiliti manusia melalui pengangkutan awam.

Di samping itu, “*Smart Bus Stop*” Lengkok Tenggara ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang berteknologi tinggi seperti CCTV, PANIC Button yang dihubungkan terus kepada pusat kawalan PDRM.

“*Smart Bus Stop*” ini juga mempunyai kemudahan WIFI, *Charging Pod* dan *Digital Advertising Panel* serta ciri-ciri *Universal Design* yang menepati aspek keterangkuman atau *inclusiveness*.

Saya telah banyak kali mencabar pemaju untuk mengubah minda dalam mereka bentuk pembangunan dan hari ini kita dapat buktikan rekabentuk smart bus stop adalah inovasi baru yang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat mengambil dan menurunkan penumpang malahan berupaya menyediakan kemudahan berteknologi tinggi untuk keselamatan dan keselesaan pengguna. “*Smart Bus Stop*” adalah model kepada reka bentuk bangunan hijau yang memperolehi tenaga daripada solar yang memenuhi ciri-ciri *smart sustainable city*. Saya berharap agar lebih banyak syarikat-syarikat swasta dan pemaju dapat mengambil contoh usaha Syarikat edotco (M) Sdn. Bhd.

Saya juga mahu mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pasukan kerja Sr Nur Shakila Binti Shamsudin daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPSP dan semua yang terlibat kerana secara tidak langsung usaha ini telah merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan visi MPSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau,

Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi malahan dapat memberi impak khususnya kepada 18,685 penduduk yang tinggal dalam lingkungan radius 500m dengan “*Smart Bus Stop*” ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormatisekalian,

Untuk makluman semua, MPSP mempunyai 1129 pondok bas di seluruh Seberang Perai iaitu 459 (SPU), SPT (416) dan SPS (254). Sebanyak 114 buah pondok bas telah dinaiktaraf kepada Rekabentuk *Universal Design* dengan perbelanjaan sebanyak RM496,585.20. Terdapat 45 buah pondok bas yang telah disewakan bagi tujuan pencahayaan dan pengiklanan.

Harapan MPSP adalah untuk menggalakkan penduduk-penduduk dan komuniti menggunakan kemudahan awam bagi mengurangkan penggunaan kenderaan sendiri sekaligus mengurangkan kesesakan dan mengurangkan pelepasan karbon. Untuk makluman, Perkhidmatan Bas *Central Area Transit (CAT)* menyediakan perkhidmatan dengan kekerapan 25 minit dilaluan ini bermula daripada jam 6 pagi hingga 10:30 malam.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormatisekalian,

Dengan adanya “*Smart Bus Stop*” ini, saya pohon agar semua penduduk-penduduk dan komuniti Seberang Jaya dapat menjaga kemudahan yang telah disediakan ini. Jagalah kebersihan kawasan pondok bas ini dan kawasan sekitarnya dengan tidak membuang sampah di merata-rata tempat. Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Jalan Tenggiri diharap dapat bekerjasama dengan MPSP menjadi mata-mata MPSP untuk memastikan kawasan ini terjaga dan terpelihara daripada elemen-elemen vandalisme.

MPSP sentiasa bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi *Role Model* kepada semua negeri di Malaysia dalam mengorak langkah seiring dengan agenda transformasi digital negara bagi mempersiapkan Seberang Perai kearah Revolusi Industri 4.0.

Oleh itu, saya berharap dengan perasmian ini merupakan permulaan bagi pertumbuhan yang lebih rancak lagi di Seberang Perai sekaligus dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada rakyat sejajar dengan wawasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya berharap agar usaha baik ini diteruskan lagi oleh Syarikat edotco (M) Sdn.Bhd. untuk mewujudkan lebih banyak lagi pondok bas pintar di Seberang Perai dan usaha ini tidak hanya terhenti di sini.

Akhir kata syabas kepada Syarikat edotco (M) Sdn. Bhd., Prasarana Malaysia Berhad (RAPID) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) kerana sudi bersama- sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP bagi menyempurnakan hasrat ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.